

**Kod Tadbir Urus Korporat Selari Dengan Dasar 30% Wanita Pembuat Keputusan -
Shahrizat
Bernama
5 April, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 yang dilancarkan Suruhanjaya Sekuriti (SC) amat bertepatan dan selari dengan matlamat Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Di Sektor Korporat.

Menyatakan demikian, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata prinsip "boardroom diversity" yang ditekankan dalam kod itu mampu meningkatkan kepekaan pemimpin korporat terhadap pentingnya kepelbagaian gender dalam pengurusan sesebuah syarikat.

"Memang telah terbukti bahawa syarikat-syarikat yang mempunyai wanita sebagai ahli lembaga pengarah berjaya meningkatkan prestasi syarikat.

"Selaras dengan prinsip ini, lembaga pengarah perlu mengambil langkah supaya calon wanita dicari dan diberi pertimbangan dalam proses pengambilan," katanya dalam kenyataan di sini Khamis.

SC mengeluarkan Kod Malaysia bagi Tabir Urus Korporat 2012 itu pada 29 Mac lepas sebagai hasil utama pertama Pelan Tindakan Tadbir 2011 yang dilancarkan pada Julai tahun lepas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657354>